

# Artikel beri kuasa kepada PM tidak pernah diguna

BH - 2/7/2020 m/s: 17

Keputusan berhubung hal ehwal syarikat dibuat oleh Lembaga Pengarah: Saksi

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali  
ajohari@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Artikel 117 Memorandum dan Artikel Persatuan (M&A) 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang memperuntukkan sesetengah keputusan syarikat memerlukan kelulusan Perdana Menteri, tidak pernah digunakan.

Peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah yang menyoal balas bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halimi, semalam, berkata perkara itu dimaklumkan oleh saksi kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

Muhammad Shafee yang menyoal saksi pendakwa kes embilan itu berkata, menurut kenyataan Shahrol Azral kepada PAC, semua keputusan berhubung hal ehwal syarikat 1MDB dibuat oleh Lembaga Pengarah.

Peguam itu berkata demikian ketika merujuk kepada dokumen kenyataan saksi kepada Ahli PAC ketika itu, Datuk Takiyuddin Hassan dan Tony Pua.

Ketika memberikan keterangan pada sesi pemeriksaan utama pada Oktober tahun lalu,



**Najib tiba di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam.** (Foto BERNAMA)

Shahrol Azral berkata, M&A itu yang menyatakan sesetengah keputusan 'memerlukan kelulusan Kerajaan Persekutuan', dipinda kepada 'memerlukan kelulusan Perdana Menteri' mengikut Artikel 117.

Beliau berkata, pindaan itu memberikan Najib kuasa yang luas sebagai Penasihat Lembaga Pengarah 1MDB.

Katanya, pindaan itu adalah atas keinginan Najib dan diberitahu kepadanya oleh Low Taek Jho, iaitu ahli perniagaan dalam buruan yang lebih dikenali sebagai Jho Low.

Menurut saksi, sesetengah perkara yang memerlukan kelulusan perdana menteri termasuk pelaburan, pengstrukturkan semula dan kuasa untuk melantik

atau memecat.

Shahrol Azral memberikan keterangan terhadap Najib yang didakwa dengan kes rasuah dan pengubahan wang haram membabitkan dana RM2.3 bilion milik 1MDB.

Sementara itu, Muhammad Shafee mencadangkan bahawa pelaburan daripada Bridge Partners International Investment Ltd, yang sepatutnya dipindahkan ke Brazen Sky Ltd bertujuan untuk memperdayakan dan menipu 1MDB.

Peguam itu turut mencadangkan bahawa ia dilakukan untuk mencapai objektif mengubah data perakaunan syarikat supaya nilai aset 1MDB melambung.

Shahrol Azral bagaimanapun, berkata beliau tidak tahu menge-

nai perkara itu.

Menjawab soalan lanjut peguam, Shahrol Azral menafikan cadangan Muhammad Shafee bahawa beliau berpakat dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi mengelakkan dituduh di mahkamah.

Muhammad Shafee membuat cadangan itu ketika merujuk kepada aduan yang dikemukakan pegawai bank BSI Singapura Yap Jiawei yang didapati bersalah dengan kesalahan menipu dan pengubahan wang haram berkaitan skandal 1MDB.

Muhammad Shafee berkata, aduan yang dikemukakan Jiawei sama dengan aduan oleh Najib iaitu mengapa terdapat pihak yang terbabit dengan 1MDB tidak didakwa di mahkamah.

Muhammad Shafee mencadangkan kepada saksi bahawa beliau sepatutnya di antara individu terawal yang didakwa di mahkamah, bagaimanapun Shahrol Azral tidak bersetuju dengan cadangan itu.

Shahrol Azral turut tidak bersetuju dengan cadangan Muhammad Shafee bahawa oleh kerana persetujuan dicapai supaya tidak didakwa, menyebabkan beliau menyalahkan anak guamnya (Najib) di mahkamah.

Perbicaraan di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi Collin Lawrence Sequerah bersambung 15 Julai ini.

Mahkamah membenarkan permintaan Najib supaya tarikh perbicaraan esok dilapangkan bagi membolehkan beliau menghadiri program di Chini, Pahang bagi persediaan pilihan raya kecil (PRK) Sabtu ini.